

# CP COUGH SYRUP

Carbocisteine/Promethazine hydrochloride (100mg/2.5mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CP Cough Syrup
2. Bagaimana CP Cough Syrup berfungsi
3. Sebelum mengambil CP Cough Syrup
4. Cara menggunakan CP Cough Syrup
5. Semasa menggunakan CP Cough Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CP Cough Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan CP Cough Syrup

CP Cough Syrup digunakan untuk rawatan gejala batuk yang menyusahkan, tidak produktif, terutamanya yang berlaku pada waktu malam.

## Bagaimana CP Cough Syrup berfungsi

*Promethazine* adalah sejenis antihistamina dengan kesan sedatif. Ia menghalang kesan histamina, sejenis bahan kimia semula jadi yang dihasilkan dalam badan. Ia memberi kesan pengeringan pada hidung dan mukosa oral. Ia biasanya digunakan dalam penyediaan untuk rawatan gejala batuk dan selsema.

Carbocisteine digunakan untuk mencairkan atau memecahkan mukus dalam gangguan pernafasan yang dikaitkan dengan batuk yang produktif.

## Sebelum mengambil CP Cough Syrup

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil ubat ini jika anda sensitif kepada promethazine HCl, carbocisteine atau mana-mana ubat phenothiazine.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang keadaan perubatan seperti di bawah:

- Ulser gastroduodenal
- *Bladder neck obstruction* (leher pundi kencing tidak buka dengan lengkap)
- Pembesaran prostat

- Retensi air kencing
- Depresi sumsum tulang
- Penyakit kardiovaskular (penyakit yang melibatkan jantung dan saluran darah)
- Koma
- Glaukoma (keadaan mata yang boleh menyebabkan buta)
- Penyakit kuning
- Sindrom Reye (hati dan otak bengkak)
- bronkitis kronik (keradangan saluran pernafasan yang membawa udara ke dalam paru-paru anda)
- batuk yang produktif
- emfisema (kerusakan pada pundi udara (alveoli) dalam paru-paru)
- diabetes
- kemerosotan fungsi hati
- kemerosotan pernafasan (kesukaran bernafas)

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh luput yang dicetak pada pek atau jika bungkusan rosak.

Jika anda tidak pasti sama ada anda perlu mengambil ubat ini, bincang dengan ahli farmasi atau doktor anda.

## *Mengandung dan penyusuan susu ibu*

Jangan mengambil CP Cough Syrup jika anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung.

Jangan mengambil CP Cough Syrup jika anda menyusukan bayi. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sebelum anda mengambil ubat ini.

## - Sebelum mula mengambil

- Promethazine tidak boleh digunakan di kalangan remaja dengan tanda-tanda dan gejala sindrom Reye memandangkan gejala ekstrapiramida (masalah pergerakan dan kawalan otot di seluruh badan) mungkin berlaku.
- Pening, sedatif, kekeliruan, hipotensi/tekanan darah rendah dan reaksi paradoksal (kesan yang bertentangan dengan kesan yang biasanya dijangka) mungkin lebih

cenderung untuk berlaku pada warga tua yang mengambil promethazine.

- Carbocisteine yang boleh mengganggu halangan mukosa gastrik harus digunakan dengan berhati-hati jika anda mempunyai sejarah ulser peptik.
- Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
- Untuk digunakan dengan berhati-hati dan mengikut nasihat doktor atau ahli farmasi pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.
- Penggunaan Promethazine tidak disyorkan kepada bayi yang baru lahir atau pra-matang disebabkan oleh peningkatan kecenderungan terhadap kesan sampingan antikolinergik seperti rangsangan sistem saraf pusat (CNS), dan peningkatan kecenderungan mengalami sawan.

## - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil apa-apa ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Penggunaan serentak CP Cough Syrup bersama ubat-ubatan berikut perlu dielakkan atau jika perlu, gunakan dengan berhati-hati:

- alkohol
- lain ubat penenang sistem saraf pusat – CNS (sedatif antidepresan, barbiturat, *clonidine* dan bahan-bahan yang berkaitan, hipnotik, terbitan morfin (analgesik dan antitusif; antibatuk), *methadone*, neuroleptik, anksiolitik).
- *Atropine* dan bahan-bahan lain yang mengandungi *Atropine* (Imipramine - antidepresan, antikolinergik antiparkinson, antispasmodik, *disopyramide*, neuroleptik phenothiazine)
- *sultopride*

Interaksi lain yang tidak dinyatakan mungkin boleh berlaku. Bincang dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda mempunyai sebarang kebimbangan lain.

# CP COUGH SYRUP

Carbocisteine/Promethazine hydrochloride (100mg/2.5mg per 5ml)

## Cara menggunakan CP Cough Syrup

### - Berapa banyak harus digunakan

Untuk kegunaan oral.

#### Dewasa

Ambil tiga (3) hingga empat (4) sudu besar sehari.

#### Kanak-kanak 12 hingga 15 tahun

Ambil enam (6) hingga sembilan (9) sudu teh sehari

#### Kanak-kanak 30 bulan hingga 12 tahun

Ambil empat (4) hingga enam (6) sudu teh sehari

#### Kanak-kanak 24 hingga 30 bulan

Ambil tiga (3) hingga empat (4) sudu teh sehari

Produk ini mengandungi Promethazine HCl. Ia tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak yang kurang daripada 2 tahun kerana berpotensi membawa maut akibat pengurangan atau penurunan pernafasan

Ia mungkin berbeza daripada maklumat yang terkandung di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label, bertanya kepada doktor atau ahli farmasi untuk membantu anda.

### - Bila perlu digunakan

Ubat ini perlu diambil bersama makanan. Anda dinasihatkan untuk terus mengambil ubat ini dengan menggunakan alat pengukur kerana 5ml merupakan anggaran kasar satu sudu the dan sudu the yang berlainan mempunyai isipadu yang berbeza.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan pengambilan CP Cough Syrup untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat anda, jika anda fikir anda atau sesiapa sahaja yang mungkin telah mengambil terlalu banyak ubat ini. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan CP Cough Syrup secara berlebihan boleh menyebabkan sawan, gangguan kesedaran atau koma.

## Semasa menggunakan CP Cough Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CP Cough Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami tanda-tanda yang sama seperti anda

Jangan ambil dos yang berlebihan seperti mana yang telah disyorkan oleh ahli farmasi atau doktor kepada anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ini menyebabkan anda rasa mengantuk, pening atau kurang peka, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini walaupun bukan semua akan mengalaminya.

Beritahu doktor secepat mungkin jika anda mengalami kesan-kesan sampingan seperti yang berikut ketika pengambilan ubat ini.

Kesan-kesan sampingan ubat ini yang jarang berlaku termasuk

- mengantuk
- diskrasia darah (komposisi darah yang abnormal)
- loya
- pening
- pendarahan gastrousus
- ketidakselesaan perut

Kesan-kesan sampingan lain yang umum:

- sakit kepala
- kekeliruan
- sukar atau sakit semasa kencing
- kekeringan mulut, hidung atau tekak
- hipotensi (tekanan darah rendah)
- banyak berpeluh
- hilang selera makan
- reaksi paradoks (kesan bertentangan daripada rawatan perubatan)
- fotosensitiviti (sangat sensitif terhadap cahaya)
- bunyi berdering atau berdengung di dalam telinga
- ruam kulit (keradangan kulit)
- takikardia (kadar denyutan jantung yang cepat)

Kesan sampingan lain yang tidak tersenarai mungkin boleh berlaku. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalaminya.

# CP COUGH SYRUP

Carbocisteine/Promethazine hydrochloride (100mg/2.5mg per 5ml)

---

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers*→*Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan CP Cough Syrup

### - Penyimpanan

Jauhi daripada kanak-kanak. Simpan dibawah 25°C. Jauhkan dari cahaya

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Cecair berwarna perang dengan rasa vanilla.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan Aktif

Setiap 5ml mengandungi:  
Carbocisteine 100.0 mg  
Promethazine HCl 2.5 mg

#### - Bahan Tidak Aktif

Glycerine  
Purified Water  
Methyl Paraben  
Vanilla Flavour  
Caramel Liquid  
Propylene Glycol  
Propyl Paraben  
Vanillin  
Maltitol Solution  
Sodium Hydroxide

### - Nombor MAL

MAL09032004AZ

## Pengilang

HOVID Bhd.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

HOVID Bhd.  
121, Jalan Tunku Abdul Rahman,  
30010 Ipoh, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

20/10/2015

## Nombor Siri

BPFK(R4/1)230615/00164